



Rujukan Kami : UNIMEL/BHEAA/01

Tarikh : 16 Oktober 2023

: 1 Rabiulakhir 1445

<b>TAJUK</b>	<b>TARIKH DAFTAR / TAMBAH / GUGUR KURSUS DAN TARIKH PEPERIKSAAN BAGI SESI II 2023/2024</b>
<b>KEPADA</b>	Semua Mahasiswa/i
<b>DARIPADA</b>	Timbalan Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Pengantarabangsaan
<b>SALINAN KEPADA</b>	YBhg. Prof. Datuk Dr. Naib Canselor Semua Dekan fakulti Semua Pembantu Tadbir Fakulti – untuk tindakan paparan di fakulti Pegawai IT – untuk tindakan paparan di website UNIMEL

Mahasiswa/i,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa bersama-sama ini disertakan tarikh pendaftaran kursus dan peperiksaan sesi II 2023/2024 untuk perhatian dan tindakan mahasiswa/i yang perlu dilaksanakan secara dalam talian (*online*).

3. Sehubungan itu, mahasiswa/i adalah diminta untuk menyelesaikan perkara seperti dilampiran mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Sekiranya terdapat sebarang masalah berkaitan, mahasiswa/i boleh dapatkan bantuan daripada staf Unit IT yang bertugas atau mendapat maklumat lanjut daripada pihak fakulti atau di Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Pengantarabangsaan.

4. Sekian sahaja untuk perhatian semua. Segala kerjasama amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**

**"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"**

**"BERILMU, BERAKHLAK, BERBUDAYA"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(SITI ZUBAIDAH BINTI HJ. RAMLI)

**TARIKH PENTING SESI II 2023/2024 BAGI PROGRAM  
DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA,  
UNIVERSITI MELAKA**

BIL.	TARIKH	PERKARA
<b>PENDAFTARAN KURSUS</b>		
1.	14 – 28 November 2023	<p style="text-align: center;"><b>Semua pelajar (Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sahkan pendaftaran kursus</li> <li>• Tambah kursus</li> <li>• Rayuan sambung pengajian pelajar gagal dan diberhentikan (GB)</li> <li>• Memohon semakan semula kertas jawapan</li> <li>• Memohon pembetulan markah peperiksaan</li> <li>• Memohon menduduki peperiksaan khas / peperiksaan semula (<i>re-sit</i>) <b><u>(muat turun borang permohonan re-sit di laman sesawang UNIMEL)</u></b></li> </ul>
2.	29 November – 6 Disember 2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gugur kursus (sekiranya ada)</li> </ul>
<b>PRA PENDAFTARAN SESI I 2024/2025</b>		
3.	12 – 25 Februari 2024	<p>Semua pelajar Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda (termasuk semester pendek dan program DK)</p>
<b>PEPERIKSAAN SESI II 2023/2024</b>		
6.	26 Februari – 14 Mac 2024	<p>Semua pelajar Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda</p>
7.	22 April – 5 Mei 2024	Pelajar Program DK semester 1-4
8.	29 April – 2 Mei 2024	Pelajar program yang terlibat dengan semester pendek

### **Kadar Denda**

1. **Denda lewat daftar kursus : RM 10 hari pertama lewat  
(mulai tarikh 29 November 2023) : tambahan RM 5 untuk hari berikutnya  
(maksimum RM200)**
2. **Denda lewat pra pendaftaran kursus: RM 10**
3. **Denda tidak membuat pra pendaftaran kursus sehingga naik semester baru:  
RM50**

**(Rujuk kadar denda Kaedah-kaedah Hal Ehwal Akademik (pindaan 2019))**